

HEBAHAN LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

14 September 2021, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah memulakan kerja-kerja pemasangan papan tanda larangan pembakaran terbuka di beberapa lokasi hotspots iaitu di Kawasan Cheng dan Alor Gajah, Melaka.

Pemasangan papan tanda larangan pembakaran terbuka ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan peringatan bahawa melakukan pembakaran terbuka adalah satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2,000 juga boleh dikenakan.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama